

## Polisi Data Peribadi

Parkway Pantai adalah salah satu kumpulan penjagaan kesihatan bersepadu yang terbesar di Asia, yang terdiri daripada Hospital Pantai dan Hospital Gleneagles di seluruh Malaysia.

Dokumen ini (“Polisi Data Peribadi”) bertujuan untuk memaklumkan anda bagaimana Pantai Holdings Sdn Bhd yang termasuk serta tidak terhad pada anak syarikat, perbadanan yang berkaitan atau mana-mana sekutunya (secara kolektif, “Parkway Pantai Group” atau “kami”) yang mengendalikan Data Peribadi (seperti ditakrifkan di bawah) serta tertakluk pada Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (Akta 709) (“Akta”) Malaysia.

Sila baca Polisi Data Peribadi ini agar anda dapat mengetahui dan memahami tujuan kami mengumpulkan, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi Anda.

Apabila anda berurusan dengan kami, menyerahkan maklumat kepada kami atau mendaftar untuk sebarang produk dan perkhidmatan yang kami tawarkan, anda bersetuju dan membenarkan Parkway Pantai Group, serta wakilnya dan/atau ejennya untuk mengumpulkan, menggunakan, mendedahkan dan berkongsi Data Peribadi anda dengan pihak berkaitan serta mendedahkan Data Peribadi tersebut kepada penyedia perkhidmatan yang dibenarkan pihak kamimahupun pihak ketiga yang relevan mengikut keadaan yang dinyatakan dalam Polisi Data Peribadi ini.

Polisi Data Peribadi ini adalah sebagai tambahan dan tidak menggantikan atau menukar sebarang kebenaran lain yang anda telah beri sebelum ini kepada Parkway Pantai Group berkenaan Data Peribadi anda dan kebenaran oleh anda di dalam ini adalah tambahan bagi mana-mana ahli dalam Parkway Pantai Group yang berhak dari segi undang-undang untuk mengumpulkan, menggunakan atau mendedahkan Data Peribadi anda.

Dari semasa ke semasa, Parkway Pantai Group mungkin mengemas kini Polisi Data Peribadi ini bagi memastikan ia seiring dengan perkembangan pada masa depan, trend dalam industri dan/atau pindaan undang-undang ataupun keperluan pihak yang mengawal selia. Tertakluk pada hak anda dari segi undang-undang, anda bersetuju untuk terikat dengan i syarat yang termaktub dalam Polisi Data Peribadi ini seperti yang dikemas kini dari semasa ke semasa di laman sesawang kami <https://www.pantai.com.my/Privacy-Policy>.

Sila semak dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat terkini bagaimana Data Peribadi anda akan dikendalikan.

Polisi Data Peribadi ini pertama kali diterbitkan pada 1<sup>hb</sup> November 2013.

### 1. Data Peribadi

- 1.1 Dalam Polisi Data Peribadi ini, “Data Peribadi” merujuk pada sebarang data, sama ada benar atau tidak, berkenaan seseorang individu yang boleh dikenal pasti (a) daripada data tersebut; atau (b) daripada data tersebut dan maklumat lain yang kami miliki atau mempunyai akses ke atasnya, termasuk data dalam rekod kami yang dikemas kini dari semasa ke semasa.
- 1.2 Contoh Data Peribadi yang mungkin anda beri kepada kami termasuklah (bergantung pada jenis interaksi anda dengan kami) nama anda, nombor kad pengenalan, pasport atau nombor pengenalan diri yang lain, nombor telefon, alamat surat-menyurat, alamat e-mel, maklumat kesihatan peribadi dan sebarang maklumat lain berkaitan mana-mana individu yang anda nyatakan dalam sebarang borang yang diserahkan kepada kami atau melalui sebarang jenis interaksi lain daripada anda.

### 2. Pengumpulan Data Peribadi

- 2.1 Secara am, kami mengumpulkan Data Peribadi secara berikut:
  - (a) apabila anda menyerahkan sebarang borang yang termasuk tetapi tidak terhad pada borang pertanyaan pelanggan atau borang lain yang berkaitan dengan mana-mana perkhidmatan kami;



- (b) apabila anda bersetuju dengan sebarang perjanjian atau menyediakan sebarang dokumen atau maklumat lain semasa anda berinteraksi dengan kami atau anda menggunakan perkhidmatan kami;
  - (c) apabila anda berinteraksi dengan kakitangan kami termasuk pegawai perkhidmatan pelanggan, contohnya melalui panggilan telefon (yang mungkin dirakamkan), surat, faks, perjumpaan secara bersemuka, mesej berteks, melalui media sosial dan e-mel;
  - (d) apabila anda berinteraksi melalui laman sesawang kami atau menggunakan perkhidmatan dalam laman sesawang kami;
  - (e) apabila anda memohon agar kami menghubungi anda atau dimasukkan dalam senarai e-mel ataupun jenis mel lain;
  - (f) apabila anda memberi respons pada promosi kami, inisiatif atau sebarang permohonan untuk Data Peribadi tambahan;
  - (g) apabila anda menghantar permohonan untuk pekerjaan atau apabila anda menyediakan dokumen atau maklumat termasuklah resume dan/atau vitae kurikulum bagi sebarang pelantikan sebagai pegawai, pengarah, wakil atau sebarang jawatan lain;
  - (h) apabila imej anda dirakam menggunakan kamera litar tertutup semasa anda berada dalam premis kami atau melalui gambar atau video yang dirakam oleh kami atau wakil kami jika anda menghadiri majlis kami;
  - (i) apabila anda dihubungi dan memberi respons kepada wakil pemasaran serta pegawai perkhidmatan pelanggan kami;
  - (j) apabila kami meminta maklumat dan menerima Data Peribadi anda disebabkan hubungan anda dengan kami termasuklah produk dan perkhidmatan kami serta permohonan kerja, contohnya, daripada rakan perniagaan, agensi awam, bekas majikan anda, pihak pengantara yang dirujuk dan pihak berkuasa yang relevan; dan/atau
  - (k) apabila anda menghantar Data Peribadi kepada kami untuk sebarang sebab lain.
- 2.2 Apabila anda melayari laman sesawang kami, amnya anda tidak dikenali tetapi sila rujuk perenggan 6 di bawah untuk maklumat berkaitan kuki dan teknologi lain yang digunakan dalam laman sesawang kami. Kami tidak mengumpul Data Peribadi dalam laman sesawang kami secara automatik melainkan anda menyediakan maklumat tersebut kepada kami.
- 2.3 Jika anda menyediakan sebarang Data Peribadi berkaitan pihak ketiga (contohnya pasangan, anak-anak, ibu bapa dan/atau pekerja anda) kepada kami, dengan menyerahkan maklumat tersebut kepada kami akan menggambarkan bahawa anda telah mendapat kebenaran daripada pihak ketiga tersebut untuk menyerahkan Data Peribadi mereka kepada kami bagi tujuan yang dinyatakan.
- 2.4 Anda hendaklah memastikan bahawa semua Data Peribadi yang diserahkan kepada kami adalah lengkap, tepat, benar dan betul. Kegagalan daripada pihak anda untuk berbuat demikian mungkin menyebabkan kami tidak dapat menyediakan produk dan perkhidmatan yang anda pohon atau menyebabkan kelewatan untuk menyediakan produk dan perkhidmatan yang anda pohon atau memproses permohonan anda.
- 2.5 Kami tidak akan sengaja mengumpul atau mendapatkan Maklumat Peribadi daripada individu di bawah umur lapan belas (18) tahun tanpa mendapatkan kebenaran daripada penjaga yang disahkan. Jika anda berumur bawah 18 tahun, anda tidak sepatutnya menyalurkan maklumat kepada kami. Jika kami menyedari bahawa seseorang yang berumur bawah 18 tahun telah menyediakan Maklumat Peribadi kepada kami tanpa kebenaran daripada penjaga yang disahkan (maklumat mungkin diberi melalui laman sesawang), kami akan memadamkan Maklumat Peribadi tersebut daripada simpanan kami.
- 3. Tujuan Pengumpulan, Penggunaan dan Pendedahan Data Peribadi Anda**
- 3.1 **Secara am**, Parkway Pantai Group mengumpul, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi anda untuk tujuan berikut:
- (a) memberi respons, menyemak dan mengendalikan pertanyaan, maklum balas, aduan dan permohonan anda;
  - (b) mengesahkan identiti anda;



- (c) menguruskan dan merancang pentadbiran serta operasi perniagaan Parkway Pantai Group mahupun mematuhi polisi dan prosedur dalaman;
- (d) membantu transaksi aset perniagaan (yang mungkin melibatkan penggabungan, pemilikan atau penjualan aset);
- (e) memohon maklum balas atau penyertaan bagi tinjauan, serta menjalankan penyelidikan pasaran dan/atau analisis untuk statistik, pemprofilan atau tujuan lain bagi menyediakan perkhidmatan kami, memahami tingkah laku pelanggan, kesukaan dan aliran pasaran semasa, serta meneliti, membangunkan dan memperbaiki kualiti produk dan perkhidmatan kami;
- (f) memadankan sebarang Data Peribadi sedia ada yang berkaitan dengan anda bagi sebarang tujuan yang disenaraikan di dalam ini;
- (g) mencegah, mengenal pasti dan menyiasat jenayah serta menganalisis dan menguruskan risiko komersial;
- (h) menguruskan keselamatan dan sekuriti premis serta perkhidmatan kami (termasuk tetapi tidak terhad pada pengawasan menggunakan kamera litar tertutup serta menjalankan perintah pelepasan keselamatan);
- (i) mengawasi atau merakam panggilan telefon dan interaksi bersemuka dengan pelanggan bagi jaminan kualiti, latihan kakitangan dan penilaian prestasi serta tujuan pengesahan identiti;
- (j) berhubung dengan sebarang tuntutan, tindakan atau prosiding (termasuk tetapi tidak terhad pada penyediaan draf dan semakan dokumen, penyediaan dokumen transaksi, mendapatkan nasihat undang-undang dan membantu memperoleh penyelesaian bagi sebarang pertikaian), dan/atau melindungi serta menguatkuasakan hak kontraktual dan undang-undang serta kewajipan kami;
- (k) menjalankan sebarang bentuk penyiasatan yang termasuk tetapi tidak terhad pada perkara berkaitan pertikaian, bil, penipuan, kesalahan, pendakwaan dan lain-lain;
- (l) mengikut atau mematuhi sebarang aturan, undang-undang, peraturan, kod amalan atau garis panduan yang dikeluarkan mana-mana pihak perundangan atau badan pengawal selia berkenaan yang terikat dengan Parkway Pantai Group (termasuk tetapi tidak terhad pada memberi maklum balas terhadap aduan pihak pengawal selia, mendedahkan maklumat kepada badan pengawal selia dan menjalankan pemeriksaan audit, atas usaha yang wajar dan penyiasatan);
- (m) atas tujuan yang wajar berkaitan perkara seperti dinyatakan di atas; dan/atau
- (n) promosi pemasaran terhadap kemudahan kami, perkhidmatan, doktor, pakej, promosi dan lain-lain.

3.2 **Sebagai tambahan**, Parkway Pantai Group mengumpulkan, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi anda untuk tujuan berikut bergantung pada jenis hubungan dengan kami:

- (a) Jika anda seorang bakal pesakit/pelanggan atau merupakan seorang pesakit/pelanggan atau bekas pesakit/pelanggan Parkway Pantai Group:
  - (i) menyediakan perkhidmatan dan sokongan pelanggan (termasuk tetapi tidak terhad pada pengurusan perhubungan pelanggan, menguruskan kemasukan hospital, memproses dan pembayaran bil, membantu, menyusun dan menyediakan peringatan bagi temu janji anda, pemeriksaan perubatan, saringan atau pemeriksaan, memohon visa bagi pihak anda, menghubungi anda berkenaan laporan dan keputusan perubatan, membuat panggilan susulan, menyediakan sokongan pentadbiran dan mentadbir perlindungan insurans serta memproses tuntutan insurans);
  - (ii) mentadbir dan memproses permintaan anda termasuk membuat dan mengemas kini profil pelanggan kami dalam sistem pangkalan data untuk tujuan pentadbiran (termasuk mengesan kehadiran anda di pelbagai kemudahan Parkway Pantai Group);
  - (iii) memberi pengalaman peribadi di tempat anda berhubung dengan Parkway Pantai Group dan menjalankan penyelidikan pasaran, memahami dan menganalisis kelakuan pelanggan, lokasi, kesukaan dan demografi bagi memperbaiki tawaran perkhidmatan kami;



- (iv) mentadbir jagaan perubatan (termasuk menyimpan kes dan rekod prosedur pesakit, menyediakan ubat-ubatan, mengarahkan ujian perubatan, laporan dan sampel biologi serta menyediakan rundingan panggilan telefon menggunakan internet serta surat-menyurat dengan doktor);
  - (v) berurusan dengan doktor pakar pihak ketiga, klinik, hospital dan/atau institusi perubatan yang berkaitan dengan jagaan perubatan anda (termasuk menyediakan akses bagi rekod perubatan anda);
  - (vi) jika anda menggunakan aplikasi mudah alih kami, termasuk *Whatsapp* dan khidmat pesanan ringkas (SMS) atau sistem pendaftaran dalam talian (termasuk e-mel) dan sistem pembayaran, memaparkan data perubatan anda, menghantar pemberitahuan berkaitan kesihatan anda serta menyediakan peruntukan perkhidmatan kami kepada anda;
  - (vii) pentadbiran untuk mendapatkan pembayaran hutang serta sebarang pengurusan hutang; dan/atau
  - (viii) atas tujuan yang wajar berkaitan perkara seperti dinyatakan di atas.
- (b) Jika anda dinamakan sebagai penjaga atau waris seseorang pesakit atau pelanggan Parkway Pantai Group:
- (i) memaklumkan anda status perubatan dan keberadaan pesakit; dan/atau
  - (ii) atas tujuan yang wajar berkaitan perkara seperti dinyatakan di atas.
- (c) Jika anda seorang kakitangan, pegawai atau pemilik penyedia perkhidmatan luar atau vendor luar atau adalah prospek bagi Parkway Pantai Group:
- (i) menilai kesesuaian organisasi anda sebagai penyedia perkhidmatan luar atau vendor bagi Parkway Pantai Group;
  - (ii) menguruskan tender dan sebut harga projek, memproses tempahan atau menguruskan bekalan barang dan perkhidmatan;
  - (iii) membuat dan mengemas kini profil penyedia perkhidmatan dan vendor dalam sistem pangkalan data kami;
  - (iv) memproses dan membayar invois serta bil kepada vendor;
  - (v) kemudahan pengurusan (termasuk tetapi tidak terhad pada mengeluarkan pas akses pelawat dan menyediakan pelepasan keselamatan); dan/atau
  - (vi) atas tujuan yang wajar berkaitan perkara seperti dinyatakan di atas.
- (d) Jika anda menghantar suatu permohonan kepada kami sebagai calon untuk pekerjaan, latihan amali atau biasiswa:
- (i) menjalankan temu duga;
  - (ii) memproses permohonan anda (termasuk tetapi tidak terhad pada pemeriksaan sebelum tawaran pekerjaan yang melibatkan kelayakan dan menjalankan temu duga);
  - (iii) mendapatkan seseorang individu sebagai rujukan dan saringan latar belakang;
  - (iv) menilai kesesuaian anda bagi jawatan yang dipohon;
  - (v) mendaftarkan calon yang berjaya sebagai pekerja kami dan menyediakan perancangan serta pengurusan sumber manusia (termasuk tetapi tidak terhad pada penyediaan surat tawaran pekerjaan, kad nama dan pas akses bangunan); dan/atau



- (vi) atas tujuan yang wajar berkaitan perkara seperti dinyatakan di atas.
- (e) Jika anda merupakan kakitangan Parkway Pantai Group:
- (i) menyediakan manfaat pekerja, menyemak gaji dan bonus, menjalankan semakan tanda aras penggajian, penaksiran dan penilaian bagi pekerja, serta mengiktiraf individu atas perkhidmatan dan pemberian anugerah;
  - (ii) orientasi dan proses kemasukan kakitangan;
  - (iii) proses pentadbiran dan sokongan berkaitan pengambilan anda untuk bekerja, termasuk pengurusan dan penamatan, serta manfaat pekerja, termasuk perjalanan, tenaga kerja, kelangsungan perniagaan dan pengurusan atau sokongan logistik, memproses tuntutan perbelanjaan, permohonan insurans perubatan, saringan perubatan dan imunisasi, pengurusan cuti, pelan insentif jangka masa panjang, latihan dan pembangunan bakat serta perancangan dan penganjuran majlis korporat;
  - (iv) menyediakan anda dengan alat dan/atau kemudahan untuk membolehkan atau membantu prestasi tugas anda;
  - (v) membantu pentauliahan profesional dan mematuhi audit pematuhan;
  - (vi) menyusun dan menerbitkan direktori dalaman serta senarai nama untuk dihubungi semasa kecemasan untuk kelangsungan perniagaan;
  - (vii) menguruskan projek tanggungjawab sosial korporat;
  - (viii) menjalankan analisis dan penyelidikan bagi perancangan serta pengurusan sumber manusia supaya kami dapat meneliti, membangunkan, mengoptimumkan dan memperbaiki amalan berkaitan kerja, persekitaran dan produktiviti;
  - (ix) memastikan pentadbiran dan operasi perniagaan Parkway Pantai Group dapat dijalankan dalam keadaan yang selamat, cekap dan berkesan (termasuk tetapi tidak terhad pada memeriksa atau mengawasi sebarang perisian dan/atau perkakasan komputer yang dipasang di Parkway Pantai Group, e-mel tugas dan alat digital peribadi serta alat storan anda);
  - (x) pematuhan sebarang aturan, undang-undang dan peraturan, kod amalan atau garis panduan yang berkenaan atau membantu pelaksanaan undang-undang dan penyiasatan daripada pihak berkuasa yang relevan (termasuk tetapi tidak terhad pada pendedahan kepada badan pengawal selia, menjalankan pemeriksaan audit atau pengawasan dan penyiasatan);
  - (xi) pentadbiran proses pemberhentian; dan/atau
  - (xii) sebarang tujuan lain berkaitan dengan perkara di atas.
- (f) Jika anda seorang doktor pakar di Parkway Pantai Group:
- (i) kemudahan pentauliahan profesional dan mematuhi audit pematuhan;
  - (ii) kemudahan pembayaran yuran yang dikumpulkan bagi pihak anda;
  - (iii) menguruskan dan menyediakan anda dengan alat, perkhidmatan dan/atau kemudahan yang membolehkan atau membantu prestasi tugas anda;
  - (iv) merancang dan menganjurkan majlis untuk doktor pakar;
  - (v) membuat dan mengemas kini profil doktor bertauliah dalam sistem pangkalan data kami;
  - (vi) kemudahan pengurusan (termasuk tetapi tidak terhad pada mengeluarkan pas akses pelawat dan menyediakan pelepasan keselamatan); dan/atau



(vii) sebarang tujuan lain berkaitan dengan perkara di atas.

3.3 Selanjutnya, jika dibenarkan di bawah Akta, Parkway Pantai Group mungkin mengumpulkan, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi anda bagi "Tujuan Tambahan" berikut:

- (a) mengambil atau merakam gambar dan video untuk publisiti korporat atau tujuan pemasaran, dan menggunakan gambar anda dan/atau testimonial dalam artikel dan bahan publisiti kami;
- (b) menyediakan atau perkhidmatan pemasaran serta manfaat kepada anda, termasuk promosi, peningkatan perkhidmatan, program kesetiaan, ganjaran dan/atau keahlian;
- (c) menganjurkan kempen bergerak, siri jelajah, kempen (termasuk ceramah kesihatan, pemeriksaan kesihatan atau kempen pemvaksinan) dan promosi atau acara serta mengadakan pertandingan dan perlawanan;
- (d) memadankan Data Peribadi dengan data lain yang dikumpulkan bagi tujuan lain dan daripada sumber lain (termasuk pihak ketiga) berhubung dengan peruntukan atau penawaran perkhidmatan;
- (e) menghantar keterangan perkhidmatan, perkembangan klinik, maklumat dan ganjaran berkaitan kesihatan kepada anda, sama ada kepada pelanggan kami secara am atau berdasarkan perkara yang dikenal pasti mungkin akan menyebabkan anda berminat;
- (f) menjalankan penyelidikan pasaran, mengumpul dan menganalisis profil pelanggan serta data untuk menentukan corak berkaitan kesihatan dan aliran terkini, memahami dan menganalisis kelakuan pelanggan, lokasi, kesukaan dan demografi agar kami dapat menawarkan produk dan perkhidmatan lain serta tawaran istimewa dan program pemasaran yang mungkin relevan dengan kesukaan dan profil anda; dan/atau
- (g) atas tujuan yang wajar berkaitan perkara seperti dinyatakan di atas.

3.4 Jika anda telah memberi nombor telefon kepada kami dan menyatakan bahawa anda bersetuju untuk menerima maklumat pemasaran atau promosi menggunakan nombor telefon anda, Parkway Pantai Group akan menghubungi anda melalui nombor telefon tersebut (termasuk melalui panggilan telefon, teks, aplikasi media sosial, faks atau cara lain) untuk memberi maklumat berkenaan produk dan perkhidmatan kami, dari semasa ke semasa.

3.5 Berhubung dengan perkhidmatan tertentu atau interaksi anda dengan kami, kami mungkin akan memaklumkan anda secara khusus bagi tujuan lain kami mengumpulkan, menggunakan atau mendedahkan Data Peribadi anda. Dengan demikian, kami akan mengumpulkan, menggunakan dan mendedahkan Data Peribadi anda bagi tujuan tambahan ini, melainkan sebaliknya kami telah memaklumkan anda secara khusus.

3.6 Anda mempunyai pilihan untuk menarik balik kebenaran untuk menerima komunikasi/bahan pemasaran atau promosi. Anda boleh menghubungi kami melalui butiran perhubungan yang dinyatakan di bawah.

3.7 Sila ambil perhatian bahawa setelah kami menerima pengesahan untuk menarik balik kebenaran bagi menerima komunikasi/bahan pemasaran atau promosi, kami mungkin memerlukan sehingga 21 hari kalendar untuk mengemas kini sistem. Oleh itu, anda mungkin masih menerima komunikasi/bahan pemasaran atau promosi dalam tempoh tersebut.

3.8 Sila ambil perhatian sekiranya anda telah menarik balik kebenaran bagi menerima bahan pemasaran atau promosi, kami mungkin akan menghubungi anda untuk tujuan lain berhubung dengan perkhidmatan yang anda pohon atau beli daripada Parkway Pantai Group.

#### 4. Pendedahan Data Peribadi

4.1 Parkway Pantai Group akan mengambil langkah yang wajar untuk melindungi Data Peribadi anda terhadap pendedahan yang tidak dibenarkan. Tertakluk pada peruntukan mana-mana undang-undang yang berkenaan, Data Peribadi anda mungkin didedahkan, bagi tujuan yang disenaraikan di atas (mana yang berkenaan), kepada entiti atau pihak berikut, sama ada mereka berada di luar negara atau Malaysia:

- (a) dalam kalangan ahli dan gabungan Parkway Pantai Group (termasuk kakitangan dan pengamal perubatan);
- (b) doktor, klinik, hospital dan/atau institusi perubatan pihak ketiga;





- (c) syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan insurans kepada Parkway Pantai Group;
- (d) ejen, kontraktor, subkontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan operasi kepada Parkway Pantai Group contohnya perkhidmatan kiriman, telekomunikasi, teknologi maklumat, pembayaran, percetakan, bil, mendapatkan pembayaran hutang, pemprosesan, perkhidmatan teknikal, pengangkutan, latihan, penyelidikan pasaran, pusat panggilan, keselamatan atau perkhidmatan lain kepada Parkway Pantai Group;
- (e) vendor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan rakan pemasaran serta perniagaan kami yang berkaitan dengan promosi pemasaran, produk dan perkhidmatan;
- (f) klien korporat kami;
- (g) mana-mana perniagaan, pelabur, pemegang serah hak atau penerima pemindahan (sebenar atau prospek) bagi memudahkan transaksi aset perniagaan (yang mungkin dilanjutkan pada sebarang penggabungan, pemilikan atau penjualan aset);
- (h) bank luar, syarikat kad kredit, institusi kewangan lain dan penyedia perkhidmatan masing-masing;
- (i) penasihat profesional kami seperti perunding, juruaudit dan peguam;
- (j) kementerian kerajaan yang relevan, pihak pengawal selia, badan berkanun atau pihak berkuasa atau agensi penguatkuasaan undang-undang untuk mematuhi sebarang undang-undang, aturan, garis panduan dan peraturan atau skim yang dikenakan mana-mana pihak berkuasa kerajaan (termasuk Kementerian Kesihatan); dan/atau
- (k) mana-mana pihak yang anda benarkan untuk kami dedahkan Data Peribadi anda.

## 5. Keselamatan Data Peribadi

- 5.1 Parkway Pantai Group melindungi Maklumat Peribadi terhadap kehilangan atau kecurian, serta akses yang tidak dibenarkan, pendedahan, salinan, penggunaan atau pengubahsuaian dengan perlindungan keselamatan bersesuaian yang melindungi Maklumat Peribadi yang sensitif, tanpa mengambil kira format yang dipegang.
- 5.2 Kami menggunakan pelbagai kaedah untuk melindungi Data Peribadi, termasuklah menggunakan langkah fizikal, alat teknikal dan kawalan organisasi.
- 5.3 Keselamatan dalam talian juga adalah keutamaan. Parkway Pantai Group menggabungkan langkah keselamatan contohnya penyulitan dan alat pengesahan ketulenan untuk melindungi Maklumat Peribadi anda daripada penggunaan yang tidak dibenarkan. *Firewall* digunakan untuk melindungi pelayan dan rangkaian kami daripada akses pengguna yang tidak dibenarkan dan mengubah fail serta maklumat lain dalam simpanan kami.
- 5.4 Parkway Pantai Group tidak dapat memberi jaminan bahawa kehilangan, salah guna atau perubahan data tidak akan berlaku namun Parkway Pantai Group berusaha secara wajar untuk menghalang perkara tersebut daripada berlaku.
- 5.5 Anda diingatkan untuk keluar daripada tingkap pelayar selepas menggunakannya untuk mengelakkan akses pihak yang tidak dibenarkan. Ia merupakan tanggungjawab anda pada setiap masa untuk tidak mendedahkan pengenalan diri peribadi anda dan kata kunci kepada mana-mana pihak ketiga.

## 6. Pengendalian Data Peribadi

- 6.1 Parkway Pantai Group mengekalkan Data Peribadi tersebut seperti yang diperlukan untuk tujuan perniagaan atau undang-undang dan tujuan tersebut berbeza mengikut keadaan.
- 6.2 Parkway Pantai Group akan melupuskan Data Peribadi dengan selamat atau secara tanpa nama jika ia tidak diperlukan lagi secara wajarnya dan tidak lagi bergantung pada Data Peribadi "sekiranya" mana-mana penjaga atau individu yang merawat pesakit mungkin berminat untuk merujuk rekod perubatan lengkap pesakit bagi mengelakkan risiko ke atas kesihatan dan keselamatan pesakit.
- 6.3 Bagi rekod perubatan pesakit, melainkan terdapat arahan khusus diterima daripada pesakit, Parkway Pantai Group mungkin (namun tidak wajib) mengekalkan rekod perubatan tersebut asalkan Parkway Pantai Group

berkemungkinan dirujuk untuk rundingan susulan oleh (atau bagi pihak) pesakit walaupun rundingan mungkin tidak berlaku sehingga selepas suatu masa atau tiada petunjuk semasa atauterkini bahawa pesakit mungkin mendapatkan kembali rundingan atau susulan lanjut.

## 7. Penggunaan Kuki, Isyarat Laman Sesawang dan Teknologi Serupa pada laman sesawang

7.1 Apabila anda melayari atau berinteraksi di laman kami, perkhidmatan kami, kami atau penyedia perkhidmatan yang dibenarkan mungkin menggunakan kuki, isyarat laman sesawang, dan teknologi serupa yang lain untuk mengumpulkan dan menyimpan maklumat untuk membantu anda memperoleh pengalaman lebih baik, lebih laju dan lebih selamat di laman sesawang kami.

7.2 Maklumat yang dikumpulkan kami atau penyedia perkhidmatan yang dibenarkan mungkin mengenal pasti seseorang pelawat sebagai pengguna unik dan mungkin mengumpul maklumat seperti bagaimana pelawat berada di laman kami, jenis pelayar yang digunakan pelawat, jenis sistem pengendalian yang digunakan pelawat, alamat IP pelawat dan maklumat aliran klik dan masa pelawat (contohnya, laman sesawang yang dilayari, waktu akses laman sesawang dan masa yang diperuntukkan pada laman sesawang).

7.3 Penggunaan kuki, isyarat laman sesawang dan teknologi serupa di laman sesawang kami mempunyai fungsi berbeza. Ia sama ada diperlukan agar perkhidmatan kami boleh berfungsi, membantu kami memperbaiki prestasi atau menyediakan fungsi tambahan kepada anda. Ia mungkin digunakan untuk menghantar isi kandungan yang lebih relevan kepada anda dan berdasarkan minat anda atau menyasarkan untuk pengiklanan kepada anda, dalam dan luar daripada laman sesawang kami.

**Kuki** – Fail teks kecil (biasanya dibina daripada abjad dan nombor) yang diletakkan dalam memori pelayar atau alat yang anda gunakan untuk melayari laman sesawang atau membaca mesej. Kuki membenarkan sesuatu laman sesawang untuk mengenal pasti alat atau pelayar tertentu. Terdapat beberapa jenis kuki:

- Sesi kuki yang tamat pada akhir sesi pelayar anda dan membolehkan kami menghubungkan tindakan anda semasa sesi pelayar tertentu.
- Kuki berulang-ulang yang disimpan pada alat anda di antara sesi pelayar, membolehkan kami untuk mengingat kesukaan anda atau tindakan yang merangkumi pelbagai laman.
- Kuki pihak pertama yang ditetapkan laman yang anda layari.
- Kuki pihak ketiga yang ditetapkan laman pihak ketiga daripada laman yang anda layari.

Kuki boleh ditutup atau dibuang menggunakan alat yang boleh didapati dalam hampir semua pelayar komersial. Pemilihan bagi setiap pelayar yang anda gunakan perlu ditetapkan secara berasingan dan pelayar berbeza menyediakan fungsi serta pilihan berbeza.

**Isyarat laman sesawang** – Imej grafik kecil (juga dikenali sebagai “pixel tag” atau “GIFcerah”) mungkin dimasukkan pada laman sesawang dan perkhidmatan kami. Isyarat laman sesawang biasanya berfungsi dengan kuki untuk mengesan profil pengguna unik dan kelakuan pengguna.

**Teknologi serupa** – Teknologi yang menyimpan maklumat dalam pelayar atau alat anda menggunakan objek kongsi tempatan atau simpanan tempatan, seperti kuki imbasan, HTML 5 kuki dan kaedah perisian aplikasi laman sesawang lain. Teknologi ini boleh digunakan melangkaui semua pelayar anda.

Kami mungkin menggunakan istilah “kuki” atau “teknologi serupa” secara bertukar ganti dalam polisi kami untuk merujuk pada semua teknologi yang mungkin digunakan untuk kami mengumpul atau menyimpan maklumat dalam pelayar atau alat anda atau mengumpul maklumat atau membantu untuk mengenal pasti anda sebagai pengguna unik dalam keadaan yang dinyatakan di atas.

7.4 Kami menawarkan ciri laman dan perkhidmatan tertentu yang boleh didapati hanya menggunakan teknologi ini. Anda sentiasa terbuka untuk menghalang, memadam atau menutup teknologi ini jika pelayar anda boleh melakukannya.

Namun, jika anda menolak kuki atau teknologi serupa yang lain, anda mungkin tidak dapat menggunakan kelebihan sesetengah ciri laman atau alat perkhidmatan tertentu. Untuk maklumat lanjut bagaimana anda boleh menghalang, memadam atau menutup teknologi ini, sila semak tetapan pelayar anda.



## 8. Laman Pihak Ketiga

Laman sesawang kami mungkin mempunyai pautan dengan laman sesawang lain yang dikendalikan pihak ketiga, termasuklah contohnya rakan perniagaan kami. Kami tidak bertanggungjawab ke atas perlindungan data yang diamalkan laman sesawang yang dikendalikan pihak ketiga tersebut. Kami menggalakkan anda untuk mengetahui perlindungan data yang diamalkan pihak ketiga tersebut. Sesetengah laman sesawang pihak ketiga ini mungkin mempunyai jenama bersama dengan logo atau tanda dagangan kami, walaupun ia tidak dikendalikan atau dikemas kini oleh kami. Setelah anda keluar daripada laman sesawang kami, anda hendaklah menyemak Polisi Data Peribadi laman sesawang pihak ketiga tersebut untuk menentukan bagaimana mereka mengumpul maklumat daripada anda.

## 9. Hubungi Kami – Penarikan Balik Kebenaran, Akses dan Pembetulan Data Peribadi anda

9.1 Parkway Pantai Group mempunyai prosedur tertentu untuk menerima dan memberi maklum balas terhadap pertanyaan berkenaan polisi kamidan amalan yang berkaitan pengendalian Maklumat Peribadi. Sebarang aduan atau pertanyaan hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar ke alamat di bawah. Jika terdapat sebarang soalan atau pertanyaan berkenaan Polisi Peribadi ini atau amalan pengumpulan data yang dinyatakan di dalam ini, sila hubungi kami seperti berikut:

(a) melalui e-mel: [my.mod.cpo@parkwaypantai.com](mailto:my.mod.cpo@parkwaypantai.com)

(b) melalui surat: ChiefPrivacyOfficer, Parkway Pantai Limited Malaysia Operations Division, Pantai Medical Centre Sdn Bhd, Level 6, Block A, Pantai Hospital Kuala Lumpur, 8, Jalan Bukit Pantai, 59100, Kuala Lumpur.

9.2 Anda diingatkan agar tidak menghantar maklumat sensitif seperti kata kunci, maklumat kad kredit dan lain-lain tanpa melakukan penyulitan terlebih dahulu (contohnya melalui e-mel).

9.3 Sila ambil perhatian jika Data Peribadi anda telah diberi kepada kami oleh pihak ketiga (contohnya pengamal perubatan am atau majikan anda), anda hendaklah menghubungi organisasi atau individu tersebut untuk sebarang pertanyaan, aduan dan permohonan untuk akses serta pembetulan untuk Parkway Pantai Group, bagi pihak anda.

9.4 Jika anda menarik balik kebenaran bagi mana-mana atau semua penggunaan Data Peribadi anda, bergantung pada jenis permintaan anda, Parkway Pantai Group mungkin tidak berada dalam kedudukan untuk terus menyediakan produk dan perkhidmatannya kepada anda atau mentadbir sebarang perhubungan kontrak yang dimeterai, yang mungkin menyebabkan sebarang perjanjian dengan Parkway Pantai Group ditamatkan dan anda memungkir kewajipan atau perjanjian dalam kontrak. Hak dan remedi undang-undang Parkway Pantai Group bagi keadaan tersebut adalah terpelihara.

9.5 Perintah Undang-undang

Polisi Data Peribadi ini tertakluk pada undang-undang Malaysia.

Jika terdapat sebarang perkara yang tidak konsisten, perbezaan atau percanggahan antara dokumen ini dan sebarang terjemahannya, versi bahasa Inggeris akan digunakan.

Tarikh Berkuat Kuasa: 1<sup>hb</sup> September 2017